

Kaedah mudah bantu kira indeks pendapatan

➤ Formula dibangunkan Zania Nudi bolehkan individu tentu status diri kaya atau miskin

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Satu kaedah mudah bagi mengira indeks pendapatan sudah dirumus bagi menentukan tahap kedudukan kewangan seseorang.

Kaedah itu dibangunkan penganalisis sistem digital, Zania Nudi, bagi membantu orang ramai menentukan kedudukan mereka sama ada miskin atau kaya.

Ia boleh dicapai menerusi pautan myitl.net/indexsmiskin.html atau 175.144.242.145/indexsmiskin.html.

Pakar Sosial, Prof Datuk Dr Mohd Shatar Sabran, ketika mengulas kaedah pengiraan menerusi pautan itu, berkata orang ramai kini hanya memerlukan beberapa saat untuk mengetahui status atau indeks pendapatan mereka.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), berkata mereka hanya perlu memasukkan maklumat pendapatan, bilangan tanggungan dan memilih kawasan kediaman sama ada bandar, pinggir bandar, luar bandar atau pedalaman.

"Sistem akan mengira dan memberikan nombor indeks pendapatan yang secara mudahnya diterjemahkan atau dibaca sebagai sen dan ringgit.

"Dicadangkan jika indeks anda 0.25 atau 25 sen ke bawah adalah miskin, jika 15 sen ke bawah adalah papa dan jika lima sen ke bawah adalah kedana. Indeks 0 atau negatif boleh diterima sebagai petunjuk hidup di bawah pendapatan," katanya.

Mohd Shatar berkata, formula itu sebagai panduan kiraan saja, bagaimanapun status atau piawai boleh ditetapkan kemudian oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Contohnya, individu dengan gaji RM3,000, dua tanggungan dan tinggal di bandar adalah dikategorikan

sebagai miskin, kerana indeksnya adalah 0.175 atau dikenakan kepada 18 sen.

Jika bujang dengan gaji RM3,000 di bandar adalah juga miskin, kerana indeksnya 0.225, iaitu 22.5 sen.

Tapisan peringkat pertama

"Jika diterima Paras Garis Kemiskinan (PGK) sebagai 25 sen, seseorang bergaji RM100,000 dengan dua tanggungan tinggal di bandar, indeks pendapatannya adalah 5.833 atau RM5.83, tetapi seseorang bergaji RM4,000 dengan empat tanggungan di bandar adalah miskin dengan indeksnya 16 sen," katanya.

Beliau berkata, selain memudahkan pengiraan oleh orang awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal juga boleh menggunakan indeks itu sebagai tapisan peringkat pertama sebelum menyalurkan bantuan selanjutnya.

"Ini dapat memastikan bantuan benar-benar kepada golongan sasar berdasarkan standard, bukannya main agak-agak atau budi bicara saja, sekali gus mengelakkan ketirisan dan pertikaian.

"Tapisan peringkat pertama ini berdasarkan pendapatan, tanggungan dan kawasan. Peringkat ke-

dua dan seterusnya bergantung kepada kriteria masing-masing misalnya kelayakan menerima zakat dan lain-lain bantuan," katanya.

Penganalisis ekonomi, Dr Ahmed Razman Abdul Latif, pula berkata beliau sudah mencuba dan menguji kaedah pengiraan indeks yang dibangunkan Zania dan membandingkan dengan formula sendiri.

"Formula ini menggabungkan tiga pemboleh ubah utama iaitu pendapatan, tanggungan dan kawasan kediaman. Formula ini sentiasa boleh dikemaskini lagi jika hendak ditambah dengan pemboleh ubah atau faktor yang lain.

"Saya menyokong langkah menyediakan kiraan dalam talian ini kerana selama ini kita dimomokkan dengan pelbagai ciri dan kriteria menentukan tahap kemiskinan seseorang, tetapi tidak diketahui apakah kriteria sebenar yang digunakan.

"Menggunakan budi bicara atau kriteria yang dirahsiakan membuka ruang dan peluang kepada ketirisan dan pertikaian bantuan tidak sampai ke sasaran yang selayaknya. Dengan sistem ini, semua boleh mengetahuinya mengikut standard yang digunakan," katanya.



Selain memudahkan pengiraan oleh orang awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal juga boleh menggunakan indeks itu sebagai tapisan peringkat pertama sebelum menyalurkan bantuan selanjutnya"

Mohd Shatar Sabran,
Pakar Sosial

BERITA HARIAN

TARIKH: 23/12/17 (M.S.)